



CERAMAH KHAS

**YANG BERTAMBAH
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

MEMAKNAI KEBERAJAAN

**Sempena Sambutan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun**

**Pada Hari Rabu
11hb Muharram 1446H / 17hb Julai 2024M**

**Bertempat
Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas,
Negara Brunei Darussalam.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mukadimah.

Percakapan dalam kesempatan yang bersempena ini adalah dalam tajuk:
Memaknai Keberajaan.

Memaknai Keberajaan dengan memperkatakan tentang keberajaan kita di Brunei sempena menyambut dan merayakan *Hari Keputeraan Ke-78 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*

Setentunya yang kita maksudkan dengan *keberajaan* itu keberajaan negara kita Brunei Darussalam: iaitu sejarah dan latar belakang warisan budayanya; pemerintahan berajanya.

Tujuan dan maksud kita ialah: ***Pertama***, untuk mengetahui dan memahaminya. ***Kedua***, untuk mengukuhkan kesedaran tentang kepentingan mempertahankannya dalam makna mengekalkannya.

Untuk mengekalkannya itu adalah sudah menjadi azam politik kita senegara, raja dan rakyat semua generasi Brunei zaman berzaman seterusnya. Iaitu seperti yang termaktub dalam Watakah Pemasalahan Kemerdekaan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada tengah malam menjelang 1hb. Januari 1984, dalam Perhimpunan Menyambut Kemerdekaan, di Taman Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, yang diiringi dengan laungan tiga kali *takbir* yang dikepalai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

2. Azam Politik Mengekalkan Brunei Negara Beraja.

“ ...Maka oleh yang demikian, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani Beta Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian jajahan takluk rantau dan pesisirnya, dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan dengan nama Beta dan bagi pihak diri Beta dan bagi pihak pengganti-pengganti Beta dan bagi pihak rakyat negara Brunei Darussalam bahawa mulai 1 haribulan Januari, 1984 tahun masehi bersamaan 27 haribulan Rabi'ulawwal hijriah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam 1404 iaitu tahun yang ke-17 Beta di atas tahta kerajaan, Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selama lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljama'ah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan bagi rakyat Beta, demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan

dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri”.

3. Pengenalan dan Pengiktirafan.

3.1 Negara kita Brunei Darussalam adalah negara berdaulat dan merdeka di kalangan negara-negara sedunia. Diiktiraf sebagai anggota mesyarakat antarabangsa oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Organasation) sejak tahun 1984.

Pada sempena Brunei diiktiraf kedaulatannya sebagai negara merdeka dan menjadi anggota PBB itu, Raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan bertitah memperkenalkannya melalui podium PBB dalam Persidangan Agungnya itu, antaranya:

“...By most of the traditional ways of measuring, Brunei Darussalam is a small nation. Our land area is modest. Our population barely exceeds 200,000. Our national resources, though they are plentiful and valuable are not as great as those of some.

Despite these limitations, my country can offer the world several things which in my judgement are valuable.

First of all, experience: the perspective lent by a long and difficult history. We are a new nation, but an ancient country: one of Asia's oldest. Visitors to Brunei many centuries ago found an established social system with a rich and flourishing culture. Five hundred years ago, under the leadership of my ancestor Sultan

Bolkiah, the fifth Islamic Sultan, Brunei played an important role in the spread of the Islamic faith in South East Asia.

So we have known pride and glory. But we have also experienced much pain: for three hundred years from the Sixteenth through the Nineteenth centuries, our land and our region were attacked by rampant piracy; a series of wars; the violence of those who called themselves explorers, but whom we knew as exploiters.

In this century, we have lived under the protection of an imperial power, albeit a benevolent one - Great Britain and for a time during World War Two, under military occupation by Japan.

In short, our country has known peace - but also war; wealth, but also poverty; energetic commerce, but also isolation; development, but also exploitation; self government, but also foreign rule. All this has been without benefit to us. It has taught us to appreciate the realities of this world. Hence my delegation wishes to assure this Assembly that our approach to the United Nations is a realistic one. We do not see the aims and objects of the United Nations Charter as mere abstract concepts. As a small nation and rich with experience, we really appreciate the moral and legal significance of these principles and will always strive to achieve congruence between these principles and our own conduct in world affairs.¹

3.2 Demikian keadaan dan pengalaman Brunei tiga ratus tahun terakhir menjelang abad sekarang.

¹ Pelita Brunei, Hari Rabu 10 Oktober 1984. Acceptance Speech By His Majesty The Sultan And Yang Di-Pertuan Of Negara Brunei Darussalam On The Occasion Of The Admission Of Brunei Darussalam As The 159th Member Of The United Nations

Nama 'Brunei' adalah sebutan baharu bagi sebuah kerajaan tua di Kepulauan Melayu, berpusat di Kota Batu, daerah Brunei-Muara pada masa ini. Sebelumnya kerajaan itu berpusat di Garang, daerah Temburong sekarang. Kerajaan Brunei tua itu ada tersebut dalam beberapa catatan sejarah China zaman pemerintahan Dinasti Liang tahun masehi (TM 502-566); Dinasti Sui (TM589-618); dan Dinasti Tang (TM618-906). China mengenali Brunei dengan PO-Li dan PO-Ni (Puni). Kedua-dua sebutan nama itu menurut sejarah China adalah maksudnya 'Brunei'.²

Sementara kita di Brunei sendiri mengetahui bahawa negara kita ini sejak zaman berzaman adalah negeri Melayu berpemerintahan beraja. Rajanya itu bergelar *Sultan* yang diperkirakan terpakai semenjak pemerintahan oleh rajanya yang pertama yang beragama Islam (TM 1363-1402), iaitu Sultan Muhammad. Perkataan atau kalimat *Sultan* itu berasal dari bahasa Arab yang diertikan dalam bahasa Melayu sebagai *raja*.³

3.3 Kedudukan dan kuasa *raja* itu disebutkan dalam makna orang yang mengetuai, mengepalai, dan memerintah sesebuah negara atau sesuatu bangsa (secara warisan); dan dalam maksud yang sama disebut juga *raja* adalah penguasa tertinggi pada sesebuah kerajaan; kepala negara.

Oleh itu sejak dahulu lagi raja-raja atau sultan-sultan Brunei adalah berkedudukan sebagai penguasa tertinggi kerajaan dan sekaligus adalah juga kepala negara.

Maka warisan budaya ini dituliskan dengan lebih jelas bahawa "***Negara Brunei berdiri dengan persatuan dan perpaduan hati rakyat yang telah***

² lihat antaranya tulisan Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam bukunya '**Brunei Darussalam: Persepsi Sejarahnya dan Masyarakatnya**, ms 16, Azza Publisher & Distributers, Brunei, 1992

³ Kamus Dewan, edisi keempat, ms 1539, DBP Kuala Lumpur, 2005

menyerahkan kuasa diri masing-masing kepada Raja (Sultan) untuk menjadi hak negara berdasarkan Raja tidak boleh zalim dan rakyat negeri tidak boleh derhaka; atau Raja untuk Rakyat dan Rakyat untuk Raja".⁴

3.4 Fahaman dan keyakinan itu telah menjadi falsafah keberajaan Brunei. Ia merupakan warisan budaya dengan menerima hakikat negara kita negara beraja. Rajanya tidak sahaja mengetuai, mengepalai bahkan berkedudukan selaku pemegang tertinggi kekuasaan serentak selaku ketua negara dan kerajaan.

3.5 Bagi maksud itu dalam pemerintahan tradisional Brunei, Rajanya mempunyai pembesar-pembesar selaku penasihat menurut hiraknya iaitu Wazir, Cheteria, Pehin-pehin Menteri dan Orang-orang Bergelar lainnya selaku pemimpin akar umbi. Kekuasaan raja secara tradisional itu telah berubah dengan *British Intervention* melalui pindaan Perjanjian Tahun 1905-1906 ke atas Perjanjian 1888. Pindaan itu menjadikan Brunei ditadbir secara sistem pentadbiran British Resident sehinggalah pada era awal pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien apabila pada tahun 1959 baginda itu berhasil memasyhurkan perlembagaan bertulis iaitu Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 yang memberikan Brunei kuasa berpemerintahan sendiri (*self government*). Ia juga mengandungi Dokumen Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959; dan Dokumen Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan).

3.6 Sesungguhnya semenjak tahun 1959 itu kedudukan negeri Brunei sebagai negeri beraja semakin jelas dengan kuasa memerintah dan

⁴ Yura Halim, Adat Mengulum Bahasa, DBP, ms 8. dalam Badaruddin Othman, kertas kerja Seminar Adat Bersendi Islam.

mengepalai pemerintahan, sekalipun pentadbiran kerajaan menurut sistem ber*Menteri Besar* dengan jenteranya secara ber*Setiausaha Kerajaan*.

4. Raja Berperlembagaan.

Pada zaman sekarang pemerintahan beraja negara kita adalah secara berperlembagaan. Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 menyebutkan bahawa Perlembagaan itulah yang menjadi asas bagi pemerintahan Brunei.

Dan lebih jelas dinyatakan dalam Mukadimah perkenan Rajanya yang mewujudkan Perlembagaan itu dengan mengadakan: *“Bahawasanya Beta berhajat hendak memerintah menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan juga hendak beransur-ansur mengadakan badan-badan perwakilan dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam”*.

Seterusnya tentang *signifikan* Perlembagaan Tahun 1959 yang diisytiharkan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyifatkannya sebagai hasil kerja keras *orang-orang tua kita*.

Dalam titah Baginda di Majlis Penandatanganan Pemasyihuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 di Lapau, Bandar Seri Begawan, pada hari Rabu 14 Sya'aban 1425 bersamaan dengan 29 September 2004, Baginda menghargai kerja keras *orang-orang tua* yang telah *“mengambil masa yang lama untuk mendapatkan semua hak menentukan masa depan kita sendiri. Ianya adalah satu perjuangan adil dan suci. Keazaman mereka telah membolehkan kita mencapai pemerintahan sendiri pada tahun 1959”*.

Seterusnya Baginda menyifatkan peristiwa bersejarah yang diperingati dengan Pemasyhuran Perlembagaan “*yang bukan saja mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan tetapi juga merupakan langkah permulaan ke arah negara mencapai kemerdekaan penuh. Semangat perpaduan serta keyakinan orang-orang Brunei telah mendorong kita mencapai kedaulatan negara pada tahun 1984*”.

5. Perlembagaan Negara (Pindaan 2004)

5.1 Mengenai pemerintahan beraja Brunei secara berperlembagaan itu lebih jelas tersusun diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara (Pindaan 2004) itu. Kuasa dan kedudukan raja selaku orang yang mengepalai, mengetuai dengan maksud menjadi pemegang kuasa memerintah dalam sistem pemerintahan beraja tradisional telah dikekalkan dalam bentuk pelaksanaannya yang baharu.

Maka dalam perkara *kuasa memerintah* Perlembagaan Negara (Pindaan 2004) telah memperuntukkannya seperti berikut:

4. (1) *Kuasa memerintah yang tertinggi* bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.
 - (1A) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah *Perdana Menteri*.
 - (1B) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah *Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei*.

- (2) *Kuasa memerintah hendaklah dijalankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.*
- (3) *Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sebilangan orang Menteri dan Timbalan Menteri dari kalangan warga Negara Brunei Darussalam yang akan bertanggungjawab hanya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sahaja bagi menjalankan kuasa memerintah dan yang akan membantu dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam menunaikan kuasa memerintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.*

6. Pemerintahan Beraja Menurut Ajaran Islam

Kedudukan raja sebagai kepala negara dan ketua kerajaan seperti dalam sistem keberajaan kita itu adalah dilihat selaras dengan ajaran Islam.

Ulama Ahlis Sunnah yang masyhur dalam bidang ketatanegaraan (*Nizam al-Hukmi*) iaitu Abu al-Hasan al-Mawardi (370H-450H) telah membahas perkara berkenaan dari sudut *Perlantikan Ketua Negara* yang disebutnya dengan gelaran *Al-Imam*.

Beliau menulis: “Imam atau ketua negara diwujudkan untuk mengganti Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bagi melindungi ugama serta mentadbir keduniaan (*as-siasah ad-dunia*). Adapun hukum melantik seorang imam (*ketua negara, ketua kerajaan*) yang mempunyai kedudukan pemegang kuasa tertinggi pemerintahan untuk menjalankan tugas tersebut adalah wajib secara *ijma’*’.

Rumusannya:

- i. Adalah jelas bahawa kepala negara dan kerajaan adalah berfungsi *melindungi agama serta mentadbir keduniaan* yang bermakna negara dan pemerintahannya tidak memisahkan agama dan urusan lain kerajaannya. Demikian itu pegangan Ahlis Sunnah Waljama'ah.
- ii. Oleh itu pemerintahan beraja negara kita Brunei Darussalam, dalam aspek kuasa memerintah seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara (Pindaan 2004) itu adalah selaras dengan ajaran Islam aliran Ahlis Sunnah Waljama'ah.

7. Mentaati Raja.

7.1 Warisan beraja dengan ikatan kukuh antara raja dengan rakyat seperti dalam *sumpah keramat Raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka* yang mengikat dan merupakan warisan budaya, adat dan sejarah itu adalah selaras pula dengan ajaran Islam apabila menghendaki mewajibkan rakyat mentaati *wali al-amri* dalam bernegara dan berpemerintahan iaitu dalam konteks negara kita ialah raja dan sultan.

7.2 Daripada sahabat Auf bin Malik bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

خَيْرُ أَيْمَتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ، وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ، وَشَرَّارُ أَيْمَتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ»، قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَفَلَا تُنَابِذُهُمُ بِالسَّيْفِ؟ فَقَالَ: لَا، مَا أَقَامُوا فِيكُمْ الصَّلَاةَ، وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ وُلَاتِكُمْ شَيْئًا تَكْرَهُونَهُ، فَاکْرَهُوا عَمَلَهُ، وَلَا تَنْزِعُوا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ

Maksudnya: “Sebaik-baik pemimpin kamu adalah mereka yang kamu cintai dan mereka menyintai kamu, mereka mendoakan kamu dan kamu mendoakan mereka. Manakala seburuk-buruk pemimpin adalah mereka yang kamu benci dan mereka membenci kamu, kamu melaknat mereka dan

mereka melaknat kamu. Lalu baginda ditanya: Wahai Rasulullah! Tidakkah kita boleh memerangi mereka dengan pedang? Baginda bersabda: Tidak, selagi mana mereka mendirikan solat bersama kamu. Jika kamu melihat sesuatu yang kamu benci daripada pemimpin kamu, maka bencilah perbuatannya, dan jangan meninggalkan ketaatan (kepadanya)."

Hadith riwayat Imam Muslim

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ^ط فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ^ج ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Tafsirnya : *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. [Surah an-Nisaa ayat 59]*

Ayat ini menjelaskan tentang: mentaati perintah ulil amri, yakni yang berkuasa menangani urusan-urusan kamu, selama mana perintahnya tidak bertentangan dengan perintah Allah atau perintah RasulNya, maka ketika itu tidak boleh patuh, tidak juga taat.

8. *Penutup.*

Sukacita percakapan tentang keberajaan ini kita tutup dengan merenungkan titah sempena Majlis Istiadat Mengadap Sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Menaiki Takhta, pada hari Khamis, 5 Oktober 2017.

...Hari ini adalah hari paling bersejarah bagi Beta sendiri, dan juga bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Sejarah Beta adalah juga sejarah bangsa dan negara. Kerana siapa Beta selaku raja, tidak boleh putus hubungan dengan bangsa dan negara. Tegasnya, Beta, tetap berkongsi sejarah dengan mereka.

Kerana itulah, perayaan ini menjadi milik bersama diantara Beta selaku raja dan rakyat jelata. Kalau Beta dilihat gembira, maka rakyat juga adalah berhak untuk bergembira. Jika Beta bersyukur, maka rakyat juga patut bersyukur.

Demikian itu hubungan raja dengan rakyat. Tidak ada tembok pemisah diantara mereka. Kewajipan raja berlaku adil kepada rakyat, sementara kewajipan rakyat pula menta'ati raja. Raja berkewajipan untuk mengetahui susah senang rakyat, sementara rakyat pula dituntut untuk bersimpati kepada raja. Inilah namanya kewajipan timbal balik untuk kesejahteraan semua. Raja dan rakyat sama-sama memegang amanah besar ini.

Inilah rukun kehidupan kita di negara ini. Ia telahpun wujud dengan jayanya semenjak dari enam ratus tahun lagi. Marilah kita pelihara ia, dan teruslah memupuknya sehingga zaman berzaman.

Demikianlah.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

11hb Muharram 1446 / 17hb Julai 2024